

# Hargai bakau sebagai 'hutan emas'

*ralat & rareat*

Bersama  
DR. AHMAD ISMAIL



**H**UTAN bakau sudah diketahui umum terdapat di tepi pantai berlumpur. Hutan bakau yang hanya terdapat di kawasan tropika merupakan sempadan antara laut dan tanah besar. Malaysia memang sebuah negara yang dikelilingi laut dan terdapat banyak pantai berlumpur yang ditumbuhi pokok-pokok bakau.

Kawasan seperti Merbok di Kedah, Matang (Perak); Kuala Bernam Sekinchan, Kuala Selangor, Pulau Kelang dan Sungai Sepang (Selangor); Sungai Linggi (Negeri Sembilan); serta Sungai Muar, Pulau Kukup dan Tanjung Piai (Johor) sudah terkenal dengan hutan bakau.

Begitu juga di Pantai Timur seperti Sungai Setiu di Terengganu; Cherating, Tanjung Agas, Kuala Rompin (Pahang); dan Sungai Johor di selatan adalah antara hutan bakau yang penting di Semenanjung Malaysia. Begitu juga di Sabah dan Sarawak yang masing-masing mewakili 60 peratus dan 23 peratus hutan bakau di Malaysia berbanding hanya 17 peratus di Semenanjung Malaysia.

Sebelum ini, masyarakat kurang memahami pentingnya hutan bakau kepada manusia. Kebanyakan negara menganggap kawasan hutan bakau merupakan kawasan yang tidak produktif atau kawasan paya yang tidak berguna. Akibatnya kawasan bakau dibersihkan dan dibangunkan untuk kegunaan lain seperti

**PROGRAM** penanaman bakau antara sering diadakan sempena Hari Biodiversiti Sedunia.  
GAMBAR HIASAN

perbandaran, industri dan akuakultur. Tambahan pula, di antara 55 hingga 60 peratus dan ada yang 80 peratus penduduk dunia tinggal di tepi pantai. Ini memaksa pembangunan pesat di kawasan pantai untuk tempat tinggal, perniagaan, bekerja dan lain-lain.

Pelabuhan juga sudah tentu di pantai dan menggalakkan lagi pembangunan kilang, gudang, jalan raya, tempat tinggal dan ruang perniagaan.

Keperluan ini memberikan tekanan kepada ekosistem hutan bakau ditebus guna untuk dibangunkan. Banyak juga kawasan hutan bakau diteroka untuk perusahaan kolam udang dan akuakultur lain. Banyak negara di dunia telah kehilangan hutan bakau termasuk negara Malaysia.

Penebangan hutan bakau memberikan kesan kepada aktiviti perikanan, mengancam burung berhijrah, kualiti air bersih, kemasinan tanah kawasan pantai, hakisan pantai dan menghasilkan karbon dioksida ke atmosfera. Kini kurang daripada setengah hutan bakau asli yang tinggal dan sejumlah 50 peratus hutan bakau dimusnahkan

adalah untuk kolam udang.

Laporan *Wetlands International* dalam kajian antara 1983 hingga 1986 dan antara 2004 hingga 2006 menunjukkan penurunan 22.4 peratus bilangan burung berhijrah pantai akibat daripada gangguan hutan bakau dan pantai terutama di laluan *East Asian Australia Flyway* (EAAF).

Kerajaan dan masyarakat perlu meningkatkan kefahaman tentang pentingnya hutan bakau dan perlunya pemuliharaan hutan bakau di sepanjang pantai. Semua pihak berkaitan perlu bekerjasama dalam menyelaras

pembangunan kawasan pantai dan muara sungai agar kawasan hutan bakau dapat dilindungi dan dipulihara. Pembangunan di kawasan pedalaman juga boleh memberikan kesan kepada ekosistem bakau di muara sungai dan pantai.

Undang-undang, pelaksanaan undang-undang dan panduan pemuliharaan hutan bakau mestilah dimantapkan. Kajian tentang hutan bakau juga perlu dipertingkatkan. Kurang maklumat saintifik, pengetahuan dan kesedaran awam, undang-undang dan panduan serta kerjasama semua pihak dalam perlindungan

dan pemuliharaan hutan bakau, membuatkan hutan bakau antara habitat yang paling terancam di dunia.

Setiap tahun seluruh dunia menyambut Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa (*International Day for the Conservation of Mangrove Ecosystem*). Hari tersebut disambut pada 26 Julai 2016 bagi menandakan kepentingan kritikal bakau untuk sekuriti makanan, perlindungan pantai dan mitigasi kesan perubahan iklim.

Di Malaysia juga disambut dengan pelbagai aktiviti seperti pendidikan, seminar saintifik, program kesedaran awam dan menanam pokok bakau.

Sempena sambutan hari tersebut pada tahun ini yang jatuh pada 26 Julai nanti, marilah semua rakyat Malaysia memahami kepentingan hutan bakau dan bersama menyumbang ke arah pemuliharaan hutan bakau yang terbaik di Malaysia.

Di semua sekolah, bagi pelajar yang telah mempelajari tentang ekosistem bakau bolehlah mengulang kaji tajuk berkaitan, berkongsi dan menerangkannya kepada rakan-rakan dan keluarga.

## INFO

Pokok bakau mempunyai pelbagai fungsi antaranya:

- Sebagai pelindung pantai daripada hakisan ombak secara semula jadi.

- Tempat hidupan laut berkembang biak dan penting dalam industri perikanan persisiran pantai.

- Sumber ekopelancongan negara.

- Kawasan hutan bakau mempunyai tahap kemasinan air yang tinggi, kandungan oksigen yang rendah, tanah berlumpur yang lembut, dan dipengaruhi air pasang surut.

- Tumbuh-tumbuhan dan haiwan-haiwan yang mendiami kawasan hutan bakau yang kompleks menyesuaikan diri dengan persekitaran sebegini dengan membentuk beberapa ciri penyesuaian yang istimewa.

- Hutan bakau terdapat di 123 negara dan wilayah mewakili satu peratus daripada hutan tropika di seluruh dunia dan kurang daripada 0.4 peratus daripada ladang hutan.

- Hutan bakau hilang tiga hingga lima kali lebih cepat berbanding kehilangan keseluruhan hutan yang memberikan kesan serius kepada ekologi dan sosioekonomi.

- Dunia menganggarkan 67 peratus kawasan hutan bakau telah hilang dan dalam masa 100 tahun lagi semua hutan bakau yang tidak dilindungi dijangka akan musnah di kawasan pantai.

- Kehilangan hutan bakau di Malaysia dalam tempoh 10 tahun dari 1980 hingga 1990, melibatkan kira-kira 12 peratus iaitu kira-kira 505,000 hektar (ha) kepada 446,000 ha.



Unit Komunikasi Korporat

KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	: UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS)	MUKA SURAT	: 18
TARIKH	: 20/7/2018	JABATAN	: PERHUTANAN
KLASIFIKASI	: PERHATIAN		